

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN (BELANJAWAN) 2021  
DI PERINGKAT DASAR**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI  
MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**25 NOVEMBER 2020  
(RABU)**

**(MUKADIMAH)**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Datuk Yang di-Pertua,

1. Terima kasih diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (Belanjawan 2021) di Peringkat Dasar ini.
2. Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, “Belanjawan 2021 merupakan penzahiran konsep Prihatin Rakyat yang didokong teguh oleh Kerajaan Perikatan Nasional. Kebajikan dan kesihatan rakyat adalah keutamaan, manakala kelangsungan perniagaan serta ketahanan ekonomi menjadi pegangan demi mencapai kemakmuran bersama.”

3. Kerajaan Perikatan Nasional juga melalui Belanjawan 2021 ini telah berjaya memastikan setiap lapisan masyarakat menerima kebaikan, terutamanya golongan rentan, OKU dan wanita. Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.
4. Bagi tahun 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah diperuntukkan sebanyak **RM2.584 bilion**. Daripada jumlah ini, **RM2.459 bilion adalah di bawah butiran B.48 – Peruntukan Mengurus** manakala **RM125.640 juta di bawah butiran P.48 – Peruntukan Pembangunan**.
5. Di samping itu, KPWKM juga telah diberi peruntukan tambahan sebanyak **RM791 juta** seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2021. Peruntukan Belanjawan 2021 adalah untuk manfaat kesemua kumpulan sasar Kementerian.

6. Sesungguhnya, KPWKM mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan Nasional atas keprihatinan terhadap keperluan kumpulan sasar KPWKM yang memperlihatkan **penambahbaikan kadar bantuan** seperti berikut:

Pertama : Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) **dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan** seorang;

Kedua : Kadar Bantuan Orang Tua (BOT) **dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan** seorang;

Ketiga : Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) **dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan** seorang;

Keempat : Kadar bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC) **dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 sebulan** seorang; dan

Kelima : Kadar Bantuan Kanak-Kanak (BKK) untuk keluarga miskin **dinaikkan daripada RM100 bagi seorang anak dengan maksimum RM450 kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun dan RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.**

Datuk Yang di-Pertua,

7. KPWKM telah meneliti semua pertanyaan, isu, cadangan mahupun pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di Peringkat Dasar sama ada secara perbahasan dalam Dewan mahupun bertulis.
8. Seramai **18 orang Ahli Yang Berhormat** telah membangkitkan sebanyak **34 pertanyaan, isu dan cadangan** sepanjang sesi perbahasan kali ini.
9. Izinkan saya untuk menjawab semua pertanyaan, isu dan cadangan mahupun pandangan tersebut **secara keseluruhan dan jawapan lanjut akan dibekalkan secara bertulis.**

## **Birokrasi Bantuan**

Datuk Yang di-Pertua,

10. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Kalabakan** di atas keprihatinan terhadap **proses permohonan bantuan kebajikan serta mengurangkan birokrasi** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khususnya selepas berlakunya insiden penularan wabak pandemik COVID-19 di Malaysia.
  
11. Untuk makluman, Kementerian mengambil maklum perkara ini dan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengenal pasti golongan yang memerlukan agar tidak berlaku keciciran. Setiap permohonan bantuan akan dibuat siasatan secara terperinci dan pertimbangan bantuan adalah mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM.

12. JKM juga mempunyai pangkalan data yang lengkap bagi setiap penerima bantuan sedia ada melalui **sistem eBantuan JKM**.
13. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk mempercepatkan proses permohonan bantuan dan mengurangkan birokrasi selepas Kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), **JKM telah melaksanakan inisiatif pengecualian kaji semula bantuan kewangan bulanan persekutuan kepada semua penerima bantuan sedia ada di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak**.
14. **Perlanjutan bantuan dibuat secara automatik** kecuali bagi kes-kes yang boleh ditamatkan berdasarkan maklumat yang sahih. KPWKM komited dalam meneliti proses birokrasi dalam usaha memendekkan tempoh permohonan bantuan agar penerima dapat menikmati faedahnya secepat mungkin dan akan sentiasa berusaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran.

Datuk Yang di-Pertua,

15. Kementerian melalui JKM turut:
  - i. menggalakkan semua **permohonan perkhidmatan bantuan** JKM dibuat secara atas talian (*online*).
  - ii. **mempromosikan perkhidmatan bantuan** di semua **platform media** massa dan juga media sosial;
  - iii. mengadakan **kerjasama erat di antara agensi-agensi yang berkaitan** untuk mempromosikan perkhidmatan kementerian kepada pengetahuan umum; dan
  - iv. **bekerjasama dengan pemimpin masyarakat dan NGO bagi mengenal pasti** mereka yang layak dibantu mendapat perkhidmatan dan bantuan daripada agensi-agensi di bawah kementerian.
16. Untuk makluman, semua jenis bantuan dan perkhidmatan yang disampaikan oleh pihak Kerajaan dan khususnya KPWKM **adalah untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata.**



17. Pada masa yang sama, Kementerian antara lain kini dalam proses memohon perjawatan tambahan iaitu pegawai JKM secara kontrak melalui program *Short-Term Employment Programme* (MySTEP) bagi membantu mempercepatkan proses siasatan permohonan bantuan di daerah. Antara jawatan yang dimohon adalah Pegawai Akhlak, Pelindung Kanak-kanak dan Pegawai Kes yang menguruskan bantuan kebajikan.

Datuk Yang di-Pertua,

18. Seterusnya untuk makluman **Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Kalabakan**, berkenaan dengan cadangan agar **JKM kaji semula SOP** untuk penerima bantuan khususnya kepada golongan OKU atau golongan yang memerlukan **di kawasan-kawasan luar bandar**.

19. Kementerian menerusi JKM telah melaksanakan program *reach out* OKU di luar bandar melalui 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)/ Jajahan (PKMJ)/ Bahagian (PKMB). PKMD, PKMJ dan PKMB juga turut bekerjasama dengan agensi berkaitan, pemimpin tempatan, Ketua Kampung, pemimpin Orang Asli dan sebagainya dengan mengadakan pelbagai program termasuk program turun padang agar perkhidmatan dan bantuan yang disediakan dapat disampaikan terus kepada mereka yang benar-benar layak dan menepati syarat yang ditetapkan.
  
20. Di samping itu, **JKM telah menubuhkan Pusat Aktiviti Sukarelawan (V@C)** yang menjadi tempat untuk sukarelawan JKM mengadakan perjumpaan dan perbincangan dalam membuat perancangan dan penyusunan aktiviti kesukarelawan.
  
21. **Objektif penubuhan V@C** juga selari dengan matlamat JKM untuk **memperkasakan program-program yang berasaskan komuniti** ataupun Peranan Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK) (*The Role of Community-Based Organization*) dalam pembangunan komuniti.

## **Bantuan Membaiki Rumah**

Datuk Yang di-Pertua,

22. Seterusnya, **Yang Berhormat Pontian** turut membangkitkan berkenaan **bantuan membaiki rumah yang rosak akibat bencana.**
23. Selaras dengan peruntukan dalam **Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20, tanggungjawab JKM** adalah mengenal pasti pusat pemindahan, membuat pendaftaran mangsa bencana, mengedarkan keperluan asas kepada mangsa bencana dan perkhidmatan psikologi dan kaunseling **kepada mangsa yang memerlukan.**
24. Bantuan membaiki rumah yang rosak akibat bencana adalah di bawah tanggungjawab Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri/Daerah untuk menentukan jumlah dan kadar yang ditetapkan.
25. Bantuan membaiki rumah yang disediakan oleh JKM bukan untuk membina semula rumah atau membayar ganti rugi tetapi lebih kepada bantuan ihsan kepada mangsa.

## **Bantuan untuk Warga Emas di Parlimen Lanang**

Datuk Yang di-Pertua,

26. **Yang Berhormat Lanang**, berdasarkan statistik JKM sehingga Oktober 2020, **penerima Bantuan Orang Tua (BOT) mencatatkan bilangan penerima bantuan tertinggi berbanding penerima skim-skim bantuan lain** iaitu **27.5 peratus** (136,984 penerima) daripada keseluruhan penerima bantuan JKM (498,935 penerima) di seluruh Negara dengan perbelanjaan sebanyak RM479.2 juta. Pada tahun 2020, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM575.0 juta untuk menampung keperluan penerima bantuan warga emas ini.
  
27. **Kriteria utama kelulusan** sesuatu bantuan ialah **berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa**. Sekiranya pendapatan keluarga berada di bawah PGK yang telah ditetapkan serta memenuhi kriteria dan syarat yang telah digariskan jabatan maka warga emas itu layak dipertimbangkan bantuan.

28. Selain daripada syarat dan kriteria berkenaan penilaian, JKM turut **mengambil kira tanggungjawab anak-anak terutama yang telah bekerja dan mempunyai pendapatan** untuk menjaga dan memastikan ibu bapa yang mempunyai kehidupan yang selesa.
29. Berdasarkan statistik penerima bantuan di Parlimen Lanang bagi warga emas dan pesakit kronik terlantar adalah seramai 806 penerima dengan RM3.25 juta telah disalurkan bagi Januari hingga Oktober tahun ini.
30. Keseluruhan penerima bantuan Parlimen Lanang adalah sebanyak 2,142 penerima dan sebanyak RM7.29 juta telah disalurkan.

### **Pemberian Bantuan Makanan dan Bantuan Kewangan Sepanjang PKP**

Datuk Yang di-Pertua,

31. Untuk makluman **Yang Berhormat Penampang dan Yang Berhormat Dungun** berkenaan dengan **pemberian bantuan kebajikan kepada rakyat dalam kesulitan.**

32. KPWKM telah diwartakan sebagai agensi perkhidmatan perlu (*essential services*) selaras dengan perkara 2, Jadual Perkhidmatan Perlu, Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 di bawah PKP COVID-19. Susulan itu, KPWKM telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga serta menguruskan hal ehwal kebajikan golongan yang terjejas atas sebab PKP.
  
33. KPWKM melalui peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi yang berjumlah RM22.2 juta daripada Kementerian Kewangan (MOF) telah menjalankan Agihan Bantuan Sosial Bakul Makanan bernilai RM100 kepada keluarga B40 di 222 buah kawasan Parlimen. JKM telah selesai menyelaraskan pengagihan sebanyak 222,000 bantuan bakul makanan pada 6 Mei 2020.
  
34. KPWKM juga turut dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan Bantuan Bakul Makanan yang disediakan di bawah Tabung Bencana COVID-19 NADMA. Sehingga 23 November 2020, NADMA telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM30,629,105.00 kepada KPWKM secara berperingkat.

35. Bantuan ini juga telah diperluaskan termasuk di kawasan PKP Diperketatkan (PKPD/EMCO). KPWKM turut membangunkan Prosedur Operasi Standard sebagai panduan kepada pegawai bertanggungjawab bagi urusan pelaksanaan agihan peruntukan Tabung COVID-19 NADMA dalam perbelanjaan program bekalan makanan.
36. Secara keseluruhannya, sehingga November 2020 peruntukan sebanyak RM47.43 juta telah dibelanjakan oleh KPWKM untuk membuat **agihan bakul makanan** kepada seramai 820,723 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3.2 juta Ahli Isi Rumah (AIR) di seluruh negara.
37. **Bagi Negeri Sabah pula**, sehingga 17 November 2020, Ketua Isi Rumah yang telah menerima **Bantuan Bakul Makanan** adalah seramai **78,933 Ketua Isi Rumah (KIR)** dan **memberi manfaat kepada 315,732 Ahli Isi Rumah (AIR)**. Bagi pelaksanaan bantuan ini sebanyak RM7.8 juta peruntukan telah disalurkan.

38. Manakala bagi Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan pula, sehingga Oktober 2020, JKM telah membelanjakan sejumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 penerima bantuan.
39. Untuk makluman **Yang Berhormat Penampang**, Sabah merupakan negeri yang menerima bantuan tertinggi iaitu sebanyak 12.4 peratus berbanding negeri-negeri lain.
40. Sehingga Oktober 2020 JKM telah menyalurkan bantuan kepada penduduk negeri Sabah seramai 61,646 penerima daripada keseluruhan penerima bantuan JKM (498,935 penerima) dengan perbelanjaan sebanyak RM184 juta.

### **Bantuan Khas Ibu Tunggal (PENJANA)**

Datuk Yang di-Pertua,

41. Isu yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Julau** berkaitan dengan bantuan khas kepada golongan ibu tunggal.



42. Kerajaan amat prihatin terhadap nasib golongan wanita termasuk Ibu Tunggal yang sudah pastinya melalui kehidupan yang sukar lebih-lebih lagi yang terkesan dengan pandemik COVID-19.
43. Oleh itu, Kerajaan melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu, telah memperuntukkan RM45 juta bagi membantu Ibu Tunggal.
44. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) iaitu salah sebuah agensi di bawah KPWKM telah dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) secara *one-off* berjumlah RM300 seorang kepada 150,000 orang ibu tunggal yang layak di seluruh negara.
45. Permohonan bagi mendapatkan bantuan ini telah pun ditutup pada 31 Oktober 2020. Walau bagaimanapun, **sebanyak 161,909 didapati layak bagi menerima bantuan ini.**

46. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk **menggunakan lebih peruntukan sedia ada Kementerian iaitu sebanyak RM3.572 juta bagi menampung bayaran kepada 11,909 penerima** memandangkan peruntukan asal berjumlah RM45 juta yang disalurkan adalah tidak mencukupi.
  
47. **Pembayaran kepada penerima** sedang dilaksanakan oleh Bank Simpanan Nasional dan proses pembayaran **dijangka selesai sebelum 31 Disember 2020.**
  
48. Berhubung dengan Ibu Tunggal iaitu **Puan Paulene Anak Embu**, hasil semakan JPW mendapati bahawa beliau telah memohon BKIT pada bulan September 2020 dan sukacita dimaklumkan bahawa **permohonan beliau telah diluluskan.** Penyaluran bayaran kepada beliau sedang dilaksanakan oleh Jabatan ini. Pemohon juga telah dimaklumkan mengenai kelulusan tersebut.

## **Peluang Pekerjaan bagi Golongan OKU**

Datuk Yang di-Pertua,

49. **Yang Berhormat Setiu** mencadangkan agar bantuan Kerajaan tertumpu kepada **peluang pekerjaan bagi golongan OKU**.
  
50. Untuk makluman, **kenaikan kadar bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC)** adalah merupakan salah satu **tarikan kepada majikan** bagi meningkatkan pengambilan pekerja OKU selain **faedah pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**.
  
51. Kementerian melalui **JKM** telah mengambil beberapa tindakan bagi membantu meningkatkan peluang pekerjaan kepada OKU seperti berikut:
  - i. Melaksanakan **Program Karnival Kerjaya** secara tahunan sebanyak 6 kali setahun mulai tahun 2016;
  
  - ii. Menyediakan perkhidmatan sokongan pekerjaan seperti **Job Coach**. Jumlah OKU yang mendapat pekerjaan melalui pendekatan *Job Coach* adalah seramai 1,397 orang sejak 2012;

- iii. Mengadakan **Program Persiapan Pekerjaan untuk pencari kerja OKU**. Sebanyak 7 program telah diadakan mulai tahun 2017 melibatkan 160 orang mahasiswa OKU dan 120 orang pelajar OKU lepasan sekolah; dan
  - iv. **Mempromosikan secara berkala** berkenaan potensi dan keupayaan OKU untuk bekerja kepada pihak majikan.
52. Selain daripada KPWKM, **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** juga menyediakan insentif kepada Majikan melalui PERKESO dan Penjana Kerjaya.
53. Sehingga Jun 2020, mengikut data daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seramai 4,002 OKU bekerja di sektor awam dan seramai 15,382 pekerja OKU di sektor swasta telah direkodkan oleh KSM.

54. KPWKM turut bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam mengimplementasikan dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU dan langkah-langkah *affirmative* yang perlu diambil oleh suruhanjaya, kementerian serta agensi di bawah kementerian bagi mempercepat pencapaian dasar tersebut.
55. KPWKM merupakan Kementerian yang telah mencapai sasaran 1% penglibatan OKU dalam perkhidmatan awam.

**Menaikkan Syarat Kelayakan Elaun Pekerja Cacat (EPC)  
RM1,200 kepada RM1,500**

Datuk Yang di-Pertua,

56. Terima kasih kepada **Yang Berhormat Arau** atas cadangan untuk **menaikkan syarat kelayakan Elaun Pekerja Cacat.**

57. Elaun Pekerja Cacat (EPC) merupakan insentif yang diberikan untuk menggalakkan OKU terus bekerja serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.
58. Dalam hubungan ini, setiap OKU yang layak akan menerima EPC sebanyak RM400 sebulan. Kadar ini akan **meningkat kepada RM450 pada tahun 2021.**
59. Berdasarkan statistik JKM sehingga Oktober 2020 **sebanyak 17.7 peratus** (88,435 penerima) daripada keseluruhan penerima skim bantuan JKM dengan peruntukan RM372 juta telah disalurkan kepada OKU yang layak.
60. Sesungguhnya, KPWKM menyambut baik cadangan **Yang Berhormat Arau** dan cadangan tersebut akan diperhalusi.

## **Keganasan Rumah Tangga semasa PKP**

Datuk Yang di-Pertua,

61. Kebelakangan ini terdapat banyak perbincangan mengenai isu keganasan rumah tangga sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di media massa. Ini ekoran berlakunya peningkatan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan hampir di seluruh dunia.
62. Dilaporkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak tiga kali ganda kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di beberapa negara maju seperti China dan Perancis sejak diletakkan di bawah perintah berkurung (*lockdown*) ekoran wabak COVID-19. Negara kita turut menunjukkan trend peningkatan keganasan rumahtangga sejak PKP.
63. **Yang Berhormat Segambut, Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT)** ditubuhkan pada November 2019 sebagai platform pemantauan dan penyelarasan usaha menangani kes keganasan rumah tangga antara agensi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

64. Mesyuarat ini bersidang sekurang-kurangnya **dua kali setahun** di mana mesyuarat pertama telah diadakan pada **28 November 2019** dan terkini adalah pada **4 Jun 2020**.
65. Kementerian telah mengadakan beberapa **sesi konsultasi** bersama pihak-pihak yang berkaitan secara berfokus dan berkala dalam **usaha menangani isu keganasan rumah tangga**.
66. Contohnya, semasa tempoh awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian telah mengadakan pertemuan bersama agensi Kerajaan dan NGO pada 17 April 2020 seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Women's Aid Organisation (WAO), All Women's Action Society (AWAM) dan Befrienders bagi memperluaskan hebahan maklumat yang tepat mengenai bantuan dan khidmat sokongan untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga.
67. KPWKM telah mengambil inisiatif seperti mempercepatkan proses permohonan **Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order*)** kepada mangsa.



68. Kementerian turut menyelaras beberapa isu berbangkit semasa pelaksanaan PKP bersama beberapa agensi seperti berikut:
- i. Mahkamah Persekutuan bagi membantu dalam proses mendapatkan **perintah perlindungan**; dan
  - ii. Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung isu sekatan jalan raya (SJR) agar memberikan **kebenaran pergerakan kepada mangsa untuk perlindungan** (termasuklah antara negeri) dan memudahkan proses aduan oleh mangsa.
69. Dalam usaha mengurangkan peningkatan kes keganasan rumahtangga, Kementerian kini sedang giat **mengemas kini Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga**.
70. Garis panduan ini merupakan satu bentuk persefahaman antara agensi terlibat untuk memahami tanggungjawab setiap agensi dalam pengurusan kes keganasan rumah tangga. Beberapa **sesi libat urus** bersama pelbagai pihak telah diadakan seperti berikut:

- i. **Jabatan Kebajikan Masyarakat** (Ibu Pejabat dan Negeri Selangor pada 18 Jun 2020;
  - ii. **Jabatan Bantuan Guaman** pada 14 Ogos 2020; dan
  - iii. **Women's Aids Organisation (WAO)** pada 9 September 2020.
71. Garis Panduan ini merumuskan peranan dan tanggungjawab Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Mahkamah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

72. Ditegaskan bahawa isu keganasan rumah tangga merupakan isu yang **perlu ditangani secara holistik** melibatkan kerjasama merentas kementerian dan NGO kerana melibatkan aspek kesejahteraan institusi keluarga terutamanya semasa negara dilanda wabak pandemik COVID19 dan dengan penguatkuasaan PKP. Tuntasnya, Kementerian sentiasa mengambil berat berkenaan isu keganasan terutamanya yang melibatkan wanita dan kanak-kanak.

### **Kesaksamaan Gender dan Kebajikan Keluarga Semasa PKP**

Datuk Yang di-Pertua,

73. Untuk makluman **Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Petaling Jaya**, Kementerian mengambil maklum bahawa wabak pandemik COVID-19 telah **memberi kesan yang berbeza dan tidak sama rata** (*disproportionate*, dengan izin) **kepada wanita dan lelaki** sebagai contoh, dalam isu tanggungjawab *unpaid care work* yang lebih membebani wanita berbanding lelaki.

74. Selain dibebani tanggungjawab terhadap kerja-kerja domestik, wanita juga lebih terdedah kepada risiko diberhentikan kerja atau terpaksa berhenti kerja dalam situasi pandemik ketika ini.
75. Realiti ini secara umumnya dilihat telah melebarkan lagi jurang gender yang selama ini cuba untuk ditangani oleh semua pihak.
76. Mengambil kira hakikat ini, Kementerian amat mengalu-alukan peruntukan daripada Kerajaan semasa pengumuman Belanjawan 2021 yang mana sejumlah RM145 juta disediakan untuk membangunkan wanita dalam bidang keusahawanan melalui pelbagai agensi pelaksana, di samping program khusus untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam kontrak Kerajaan.
77. Bagi menangani isu bebanan tugas penjagaan pula, **Kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta secara keseluruhan** bagi menyokong lebih banyak penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak atau **TASKA di bangunan Kerajaan dan bangunan pejabat sektor swasta**, yang akan menyokong wanita untuk kembali aktif bekerja serta menjana pendapatan.

78. Sehubungan itu, dapat dilihat bahawa Kerajaan amat peka terhadap keperluan wanita dan telah mengintegrasikan perspektif gender dalam **penyediaan belanjawan** kali ini, yang dilihat **lebih mesra wanita**, serta kumpulan sasar lain di bawah KPWKM.
79. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan yang mampu memberikan *immediate relief* kepada wanita yang berhadapan dengan pelbagai bentuk diskriminasi berasaskan gender terutamanya berkaitan dengan keganasan rumah tangga, Kerajaan telah mengambil langkah pragmatik dengan menerima syor KPWKM iaitu peruntukan sebanyak RM21 juta bagi tahun 2021 untuk penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat.

### **Menaik Taraf Perkhidmatan Talian Kasih**

Datuk Yang di-Pertua,

80. Berhubung dengan isu menaik taraf perkhidmatan Talian Kasih yang dicadangkan oleh **Yang Berhormat Pandan**.

81. Untuk makluman, Talian Kasih merupakan talian prihatin masyarakat yang boleh diakses oleh orang awam melalui dua sumber iaitu menerusi **talian bebas tol 15999** dan **aplikasi WhatsApp** di nombor 019-26 15999.
82. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam, tujuh (7) hari seminggu dan berfungsi sebagai *focal point* kepada semua pelanggan KPWKM untuk mengemukakan sebarang pertanyaan, aduan mahupun permohonan.
83. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, pembuangan bayi, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.
84. Manakala Aplikasi WhatsApp Talian Kasih iaitu di 019-26 15999 adalah bertujuan bagi menambah baik mutu perkhidmatan Talian Kasih yang sedia ada bagi memberi fokus kemudahan kepada golongan OKU pendengaran dan pertuturan untuk mengajukan sebarang pertanyaan, permohonan dan aduan.

85. KPWKM mengambil inisiatif menambah baik perkhidmatan Talian Kasih merangkumi:

- i. Perjawatan/Sumber Manusia;
- ii. Latihan;
- iii. Sistem Pengoperasian;
- iv. Naik Taraf Ruang Kerja dan Kemudahan; dan
- v. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan Tele-kaunseling.

86. KPWKM juga telah mewujudkan Talian Khas Kaunseling Covid-19 bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP. Talian Khas Kaunseling atau perkhidmatan tele-kaunseling ini melibatkan seramai 528 orang kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan JKM di seluruh negara.

## **Kekurangan Sumber Manusia di JKM**

Datuk Yang di-Pertua,

87. Kementerian mengucapkan terima kasih atas keprihatinan **Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Permatang Pauh** dan **Yang Berhormat Segambut** terhadap **skop kerja Kementerian** ini khususnya di bawah JKM dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran selaras dengan perubahan sosial dan cabaran kehidupan masyarakat yang dinamik.
88. Umum maklum mengenai kenaikan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang secara langsung akan memberikan kesan kepada bilangan permohonan bantuan kebajikan pada masa akan datang.
89. Bagi mendepani cabaran tersebut, **pelbagai inisiatif** sedang dan telah diambil bagi **memperkasakan JKM** antaranya:



- i. **Penstrukturan semula JKM** melibatkan JKM Ibu pejabat, JKM Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan institusi di bawah pengurusan JKM melibatkan fungsi, beban tugas dan keperluan perjawatan. Cadangan penstrukturan semula JKM dijangka akan **dikemukakan kepada JPA pada Disember 2020**;
  
- ii. KPWKM turut mengemukakan **permohonan pemberian elaun khas** kepada pegawai skim perkhidmatan:
  - a) Pembantu Pembangunan Masyarakat;
  - b) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat;
  - c) Pegawai Pembangunan Masyarakat; dan
  - d) Pegawai Skim Perubatan dan Kesihatan kader Kementerian Kesihatan.

- iii. Mereka adalah pegawai yang bertugas di Pejabat JKM Daerah/ Bahagian/ Jajahan dan Institusi Kebajikan bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan teras seperti perlindungan, penjagaan, perawatan dan pemulihan kepada setiap kumpulan sasar. Cadangan pemberian elaun khas ini telah dikemukakan kepada JPA pada 16 Januari 2020. Sesi Naziran oleh Bahagian Saraan JPA ke institusi dan PKMD di bawah JKM telah diadakan pada 26 Ogos 2020;
- iv. **Mewujudkan pakar bidang khusus** (*Subject Matter Expert – SME*) sebagai pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan kumpulan sasar seperti kanak-kanak, OKU, dan warga emas. Ianya juga sebagai **kemudahan laluan kerjaya** kepada pegawai dan kakitangan JKM selain memberi nilai tambah kepada perkhidmatan jabatan;
- v. Meningkatkan **profesionalisme perkhidmatan JKM menerusi praktis Kerja Sosial**. Ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam menggubal Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial; dan

- vi. memohon **perjawatan tambahan secara kontrak** melalui program Short-Term Employment Programme (MySTEP) bagi membantu proses siasatan permohonan bantuan di daerah.
90. Penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial akan meningkatkan standard perkhidmatan kerja sosial supaya ia setanding dengan kerjaya profesional.
91. Ini secara tidak langsung akan membuka lebih banyak lagi peluang penyertaan pekerja sosial dalam pasaran kerja sekali gus menarik minat masyarakat menceburi profesion ini di sektor awam mahupun badan bukan kerajaan serta pewujudan pakar bidang SME dan seterusnya meningkatkan bilangan pekerja sosial di Malaysia.
92. **Yang Berhormat Segambut**, wabak pandemik COVID-19 merupakan salah satu wabak dan ditakrifkan sebagai bencana mengikut Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20.

93. Oleh itu, **pengendalian pusat kuarantin adalah di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)** dan pengoperasian sesebuah pusat kuarantin adalah sama seperti pengoperasian Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang mana Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah (JPBN/D) akan melibatkan semua agensi mengikut tugas dan tanggungjawab masing-masing.
  
94. **JKM merupakan antara agensi yang utama mengikut Arahan MKN No. 20** yang berperanan untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keperluan asas seperti bekalan makanan kepada *Person Under Surveillance* (PUS) selain memastikan keperluan sosial dapat dipenuhi.
  
95. Bagi menyelesaikan kes-kes permohonan bantuan yang tertunggak, JKM telah mengambil beberapa langkah yang proaktif bagi memproses permohonan tersebut seperti menubuhkan pasukan *task force*, membuat penjadualan semula petugas di pusat kuarantin dan menggembeleng tenaga semua kakitangan selain pekerja kes bantuan untuk menjalankan siasatan.

## **Menyatukan Perkhidmatan LPPKN & JPW**

Datuk Yang di-Pertua.

96. Untuk makluman **Yang Berhormat Tangga Batu**, perkhidmatan reproduksi manusia yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah saling melengkapi dan mempunyai kumpulan sasaran masing-masing.
97. Perkhidmatan LPPKN lebih tertumpu pada advokasi dan pendidikan serta pencegahan selaras dengan fungsi LPPKN yang ditetapkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan 2006) [*Akta 352*].
98. LPPKN merupakan agensi peneraju dalam pelaksanaan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial, Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Perkahwinan Bawah Umur, Dasar Perancang Keluarga Kebangsaan.

99. LPPKN komited sebagai agensi utama bagi melahirkan generasi penduduk yang berkualiti menerusi pembinaan institusi keluarga yang sejahtera, perkhidmatan yang disediakan adalah khidmat komprehensif bagi kesejahteraan keluarga (*family well-being*).
100. Seajar dengan hasrat Kerajaan yang peduli kepada keperluan dan kehendak rakyat, LPPKN akan terus komited dalam menyediakan perkhidmatan kesejahteraan keluarga di premis statik dan pusat keluarga bergerak di seluruh negara dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan komprehensif serta mesra pelanggan.
101. Manakala **fungsi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** adalah melaksanakan program **pembangunan kapasiti, khidmat kaunseling dan nasihat sokongan bagi wanita** serta menyelaras, memantau dan menilai program berkenaan.
102. Cadangan untuk menggabungkan JPW dan LPPKN melalui perubahan dan penggabungan fungsi tidak dapat dilaksanakan atas faktor-faktor seperti objektif dan fungsi penubuhan dan kumpulan sasaran yang berbeza serta memerlukan pindaan Akta 352.

## **Pusat Sokongan Sosial Setempat**

Datuk Yang di-Pertua,

103. Seterusnya, untuk makluman **Yang Berhormat Segambut** dan **Yang Berhormat Tangga Batu**, Kerajaan melalui KPWKM akan membangunkan Pusat Sokongan Sosial Setempat sebagai pusat rujukan untuk mendapatkan nasihat dan perkhidmatan sosial seperti kaunseling dan perlindungan kepada kumpulan sasaran KPWKM iaitu wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU.
104. Pada masa ini, pembukaan pusat ini akan dibuat di beberapa buah negeri terdahulu. Pusat ini akan diuruskan oleh KPWKM dengan Kerjasama NGO.
105. Selain itu, KPWKM amat menghargai dan mengalu-alukan penglibatan berterusan NGO dalam menawarkan perkhidmatan sokongan sosial kepada masyarakat yang memerlukan dan akan meneliti bentuk sokongan dan bantuan lanjut yang boleh diberikan kepada mereka.

106. KPWKM optimis bahawa pendekatan ini akan menggerakkan usaha *whole of government* serta *whole of society* dalam membendung masalah sosial dan menawarkan bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan.
107. Inisiatif ini dijangka akan menggalakkan orang ramai tampil mengemukakan laporan kepada pihak berkuasa apabila berhadapan dengan insiden yang tidak diinginkan berikutan penubuhan sistem sokongan seperti pusat setempat ini.
108. KPWKM juga yakin, usaha ini akan meningkatkan lagi kualiti pengumpulan data-data sosial bagi membolehkan KPWKM membuat pemetaan program dan aktiviti yang lebih bersasar.

### **Penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam (TTKA)**

Datuk Yang di-Pertua,

109. **Yang Berhormat Segambut**, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dalam menguruskan peruntukan RM30 juta bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam (TTKA) untuk tahun 2020 iaitu:



- i. Membuka permohonan Geran TTKA 2020 bermula 6 Disember 2019 sehingga 31 Mac 2020;
- ii. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Geran TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam (JPGT) Bilangan 1 Tahun 2020 pada 14 Februari 2020 dan telah meluluskan permohonan 24 TTKA dengan jumlah peruntukan RM3.853 juta; dan
- iii. Melaksanakan Mesyuarat JPGT Bilangan 2 Tahun 2020 yang diadakan pada 3 Julai 2020 telah meluluskan 11 TTKA dengan jumlah peruntukan RM1.605 juta. Jumlah keseluruhan yang diluluskan adalah 35 TTKA dengan peruntukan RM5.459 juta.

110. Permohonan yang diterima tidak mencapai sasaran adalah disebabkan perkara berikut:

- i. Ketiadaan ruang untuk menubuhkan TASKA di premis kerajaan; dan

- ii. Kekangan pelaksanaan penubuhan TTKA kesan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 menyebabkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan dalam tahun semasa.
111. Kelulusan penubuhan sesebuah TTKA adalah melibatkan beberapa agensi teknikal dalam memenuhi tatacara Penubuhan TASKA di premis Kerajaan.
112. Belanjawan 2021 telah memperuntukkan RM30 juta bagi penubuhan TTKA baharu dan penambahbaikan TTKA sedia ada dan keutamaan kepada Hospital. Pengemaskinian Terma Rujukan Pengurusan Geran TTKA telah dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan ruang TASKA sedia ada. KPWKM akan membuka permohonan Geran TTKA Tahun 2021 pada bulan Disember 2020.
113. Mesyuarat Penyelarasan Isu TASKA dan Pusat Jagaan bersama KPKT yang dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 6 November 2020 bagi mempermudah proses pendaftaran TASKA.

## **Mempertingkatkan Dana kepada Pengusaha TASKA dan TADIKA Swasta**

Datuk Yang di-Pertua.

114. Untuk makluman **Yang Berhormat Tangga Batu**, Bantuan Khas kepada Pengusaha TASKA disediakan untuk meringankan beban pengusaha TASKA dan ibu bapa dalam langkah pencegahan COVID-19 di TASKA. Sebanyak 2,623 TASKA dengan jumlah RM12.15 juta diluluskan kepada TASKA yang berdaftar dan berpotensi untuk didaftarkan.

## **Penundaan Projek Pembangunan KPWKM**

Datuk Yang di-Pertua,

115. Kementerian amat peka dengan keperluan untuk mengutamakan perbelanjaan bagi menangani COVID-19 berbanding dengan pelaksanaan projek pembangunan yang kurang kritikal.

116. Untuk makluman **Yang Berhormat Jerlun** dan **Yang Berhormat Kubang Pasu**, Peruntukan Pembangunan Kementerian (Maksud Pembangunan 48) yang disediakan bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM125.6 juta.
117. Bagi Butiran 03100, Naiktaraf Bangunan KPWKM di Lot 4G11, Putrajaya, peruntukannya RM63.9 juta. Hakikatnya, peruntukan ini adalah untuk melunaskan komitmen Kerajaan terhadap bayaran sewa pajakan bangunan KPWKM kepada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., kos utiliti dan keperluan penyelenggaraan bangunan KPWKM secara berjadual.
118. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bangunan KPWKM telah dibina secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiative*, PFI). Oleh itu, komitmen bayaran sewa pajakan kepada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah selama 25 tahun iaitu sehingga tahun 2036.
119. **Yang Berhormat Kubang Pasu**, bagi Butiran 00704, Pembaikan/ Pembesaran Institut Kebajikan Sedia Ada, Kementerian amat berterima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana telah mengagihkan peruntukan yang besar berjumlah RM68.8 juta pada tahun ini (2020).

120. Untuk tahun 2021, Kementerian akan menyusun semula kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan di institusi-institusi JKM berdasarkan keutamaan bagi memastikan kemudahan dan peralatan di institusi-institusi JKM sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

**Rang Undang-undang Gangguan Seksual dan  
Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial**

Datuk Yang di-Pertua,

121. **Yang Berhormat Permatang Pauh**, Kementerian amat menghargai keprihatinan semua pihak melalui saranan dan gesaan agar Rang Undang-undang (RUU) Profesion Kerja Sosial (PKS) dan RUU Gangguan Seksual dibentangkan dalam sesi Parlimen kali ini.

122. Draf RUU PKS yang berkaitan kesalahan dan penalti telah disemak oleh Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara pada bulan Januari 2020 manakala draf awal RUU PKS telah dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara (AGC) pada bulan Ogos 2020.

123. Namun demikian, berdasarkan semakan awal pihak AGC, terdapat beberapa perkara dasar yang perlu disemak, diperhalusi dan diteliti semula. Kementerian amat menghargai komitmen dan sokongan yang diberikan, termasuklah penglibatan pelbagai pihak dalam menyediakan draf RUU tersebut yang bukan sahaja melibatkan wakil daripada agensi Kerajaan tetapi juga dalam kalangan ahli-ahli akademik dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan.
124. Dimaklumkan bahawa usaha untuk menggubal RUU Gangguan Seksual masih lagi merupakan salah satu agenda yang menjadi keutamaan dan KPWKM sedang mengambil langkah progresif ke arah memuktamadkan RUU tersebut.
125. Ini termasuklah, membuat tindakan penyelarasan dan sesi libat urus dengan Kementerian dan agensi lain yang terlibat dalam penggubalan RUU ini. Tindakan ini amat penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang ini kelak.

126. RUU ini mempunyai dua matlamat penting, iaitu mengehendaki setiap pihak mengambil langkah proaktif mencegah gangguan seksual daripada berlaku dan menyediakan pihak mangsa pembelaan undang-undang yang lebih sesuai, berkesan serta bermakna.
127. Tidak dapat dinafikan jadual penggubalan RUU ini sedikit terjejas berikutan dengan wabak pandemik COVID-19 yang telah mengehadkan pelaksanaan libat urus draf RUU berkenaan. Oleh yang demikian, sasaran pembentangan RUU dicadang untuk dibentangkan pada tahun 2021.
128. Walau bagaimanapun, KPWKM tetap komited melaksanakan program-program advokasi yang lebih meluas untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai hak-hak mereka dalam isu gangguan seksual melalui kerjasama strategik dengan beberapa pertubuhan bukan Kerajaan.

129. KPWKM sekali lagi mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan yang diberikan oleh semua pihak dan menyeru agar kita bersama-sama dapat menghormati setiap proses yang perlu dilalui dalam memastikan RUU Gangguan Seksual ini dapat diluluskan.
130. Dalam usaha untuk merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan kedua-dua RUU ini, pihak Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak AGC pada bulan Oktober 2020.
131. Pada masa kini, pihak Kementerian dalam usaha mengemaskini dan meneliti isu-isu dasar seperti yang dimaklumkan oleh pihak AGC sebelum draf RUU yang muktamad dikemukakan untuk semakan terperinci oleh pihak AGC.



## **Projek Rintis *Alternative to Detention***

Datuk Yang di-Pertua,

132. **Yang Berhormat Permatang Pauh**, Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan NGO berkenaan pelaksanaan projek rintis *Alternative to Detention* (ATD) untuk kanak-kanak tanpa penjaga dan terpisah dalam tahanan Imigresen. Kanak-kanak ini lari dari negara asal di atas kekejaman dan jika dibiarkan dalam tahanan, anak-anak ini terdedah dengan risiko kesihatan, kemurungan dan tekanan pasca trauma.
  
133. KPWKM melihat kepentingan memperkenalkan kaedah alternatif bertujuan memastikan kesejahteraan penghuni kanak-kanak di Depoh Tahanan Imigresen (DTI). Projek rintis ini juga membabitkan kerjasama antara JKM dan Jabatan Imigresen Malaysia sebagai agensi pelaksana serta dibantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

134. Pendekatan ATD tidak melihat kesalahan imigresen sebagai memerlukan penahanan tanpa perbicaraan, dan sebaliknya menekankan pencarian resolusi kes bagi kanak-kanak terbabit supaya dapat mematuhi undang-undang dan proses imigresen dalam negara.
135. Perkara ini merupakan manifestasi tanggungjawab kerajaan dan masyarakat dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak benar-benar terpelihara.

### **Statistik Talian Kasih yang Mengelirukan**

Datuk Yang di-Pertua.

136. Saya ingin memberi penjelasan khususnya kepada **Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Merbok** dan **Yang Berhormat Tangga Batu** berkenaan statistik Talian Kasih yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 17 November 2020 dalam sesi Jawab Lisan.
137. Jumlah keseluruhan panggilan Talian Kasih 15999 dan WhatsApp 019-26 15999 bagi tempoh Januari hingga 14 November 2020 adalah sebanyak 159,703.

138. Jumlah panggilan mengikut kategori iaitu sebanyak 79,917 yang dinyatakan dalam jawapan lisan Dewan Rakyat pada 17 November 2020 adalah di bawah bidang kuasa Kementerian.
139. Angka tersebut adalah merujuk kepada soalan **Yang Berhormat Batu Kawan** yang bertanyakan tentang bilangan panggilan telefon kepada Talian Kasih 15999 mengikut jenis panggilan yang dalam kategori bidang kuasa KPWKM.
140. Manakala baki sebanyak 79,786 panggilan yang tidak dinyatakan dalam jawapan lisan tersebut adalah merangkumi panggilan pengujian teknikal (*test call*) atau aduan tidak berkaitan seperti panggilan tidak sempat dijawab oleh *Call Agent*, panggilan gangguan, pemanggil tidak bercakap dan lain-lain.
141. Memandangkan terdapat keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap panggilan bukan di bawah bidang kuasa KPWKM yang direkodkan Talian Kasih, ianya akan turut dimasukkan dalam jawapan Parlimen untuk soalan-soalan yang akan datang sekiranya sesuai dan terdapat keperluan.

**(PENUTUP)**

Datuk Yang di-Pertua,

142. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan serta cadangan penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah Kementerian ini. Kami menghargai segala cadangan dan teguran serta akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.
  
143. Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap beberapa inisiatif Kementerian terutamanya dalam mengendalikan isu birokrasi bantuan, sumber manusia di JKM, sosial, wanita, OKU, kanak-kanak dan keluarga diharap dapat memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

144. Kementerian dari semasa ke semasa sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan hak dan kepentingan kumpulan sasaran KPWKM terpelihara. Kenaikan kadar kemiskinan dan peningkatan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) menunjukkan terdapat keperluan yang mendesak untuk mengoptimumkan pengurusan sumber bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada golongan sasaran.
145. Justeru itu, Kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan penambahbaikan dan sebarang bentuk kerjasama daripada semua pihak.

**#KitaJagaKita      “Teguh Kita, Menang Bersama”**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.